

Polisi Privasi

Pengenalan

imSME atau sebarang nama lain yang mungkin diberikan oleh CGC Digital dari semasa ke semasa (“Portal”) ialah satu platform rujukan atas talian di Malaysia bagi pinjaman/ pembiayaan PMKS yang dimiliki dan diuruskan sepenuhnya oleh CGC Digital Sdn. Bhd.

Kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda mematuhi undang-undang Malaysia. CGC Digital Sdn. Bhd. (“CGC Digital”) hanya akan mengumpulkan dan menggunakan maklumat peribadi anda mengikut undang-undang (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) dan polisi ini memperkatakan mengenai dasar privasi dengan maklumat peribadi (dirujuk sebagai “data”) yang mungkin dikumpulkan tentang anda melalui perkhidmatan atau kemudahan kami (termasuk Portal). Polisi ini tidak terpakai bagi entiti lain yang tidak dimiliki atau mengawal atau dikawal oleh CGC Digital, ia juga tidak terpakai bagi orang yang bukan pekerja atau ejen CGC Digital, atau yang bukan di bawah kawalan CGC Digital. Ungkapan "CGC Digital" adalah termasuk syarikat-syarikat berkaitan CGC Digital, melainkan dinyatakan sebaliknya, Sila ambil masa untuk membaca Terma Penggunaan laman sesawang ini.

1. Kepentingan Persetujuan

Anda mungkin dikehendaki untuk memberikan CGC Digital data peribadi anda apabila anda meminta maklumat atau mendaftar untuk produk dan perkhidmatan kami (termasuk Portal). Dengan berbuat demikian, anda bersetuju dengan penggunaan oleh CGC Digital selaras dengan Dasar Privasi ini.

Data sensitif berkaitan peribadi anda (termasuk data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental anda, atau pensabitan kesalahan, dan lain-lain) akan diambil pakai oleh kami sekiranya anda memohon produk-produk tertentu atau menggunakan Portal yang memerlukan anda untuk mendedahkan data sensitif peribadi kepada kami. CGC Digital hanya akan menggunakan data sensitif peribadi anda untuk memberikan perkhidmatan yang ingin anda daftar. Jika CGC Digital mengumpulkan, menggunakan, mengekalkan atau mendedahkan data sensitif peribadi anda, kami akan meminta persetujuan anda.

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan data/data sensitif peribadi anda atau untuk membatalkan persetujuan anda untuk pemprosesan data/data sensitif peribadi anda oleh CGC Digital. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk memberikan apa-apa data peribadi/data peribadi yang sensitif atau pembatalan persetujuan anda untuk memproses data data peribadi/data sensitif peribadi boleh mengakibatkan CGC Digital tidak dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang efektif dan berterusan.

2. Pengumpulan Data

Seperti terdapat pada kebanyakan laman sesawang, Portal juga akan secara automatik menerima maklumat umum yang terkandung di dalam fail log, seperti alamat IP anda, dan *cookie*. Maklumat yang dikumpul biasanya termasuk nama anda, alamat e -mel, nombor telefon, butiran perhubungan yang lain, umur, maklumat kewangan seperti pendapatan perniagaan anda, atau kad pengenalan anda, sejarah kredit setelah

selesai pendaftaran dan borang kenalan pantas di Portal. Maklumat ini diperlukan untuk kami untuk menyediakan maklumbalas yang diperlukan kepada semua soalan anda. Untuk membolehkan kami memantau aktiviti di Portal, kami juga mengumpul maklumat seperti bilangan pengguna, tarikh dan masa lawatan, bilangan halaman yang dilihat dan maklumat yang dimuat turun.

Data peribadi yang dikumpul oleh CGC Digital adalah sama ada wajib atau sukarela. Data peribadi wajib adalah yang diperlukan untuk memadankan anda dengan produk dan perkhidmatan. Jika anda tidak memberikan kami dengan data peribadi yang wajib, CGC Digital tidak akan dapat memadankan anda dengan produk dan perkhidmatan kami.

Data peribadi sukarela adalah data yang tidak wajib bagi membolehkan CGC Digital untuk memadankan anda dengan produk dan perkhidmatan kami. Jika anda tidak memberikan CGC Digital dengan data peribadi secara sukarela, anda masih boleh mendaftar untuk produk dan perkhidmatan kami. Data peribadi wajib dan sukarela berbeza untuk setiap produk dan perkhidmatan dan akan ditunjukkan sewajarnya.

Data anda diperolehi yang melalui pelbagai cara, seperti:

- (a) Apabila anda mendaftar untuk atau menggunakan salah satu perkhidmatan yang telah disediakan oleh CGC Digital (termasuk penggunaan Portal).
- (b) Apabila anda menghubungi CGC Digital melalui pelbagai kaedah, seperti e-mel dan surat menyurat, panggilan telefon dan perbualan anda dengan kakitangan CGC Digital. Jika anda menghubungi kami atau kami menghubungi anda dengan menggunakan telefon, kami boleh memantau atau merekodkan panggilan telefon untuk jaminan kualiti, latihan dan tujuan keselamatan.
- (c) Daripada analisis oleh pihak kami berkaitan transaksi anda (contohnya jumlah jualan tahunan, keuntungan atau bilangan tenaga pekerja).
- (d) CGC Digital juga boleh mendapatkan data peribadi anda apabila anda mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan atau apabila anda mendaftar untuk mana-mana promosi Portal.
- (e) Apabila kami mendapatkan apa-apa data dan maklumat daripada pihak yang diberi kuasa ketiga (contoh agensi rujukan kredit, agensi pengawal seliaan dan penguatkuasaan, majikan, pemegang akaun bersama, penjamin, wakil undang-undang).

3. Cookies

Cookie ialah satu pakej data yang membolehkan pelayan sesawang ('server') kami mengenal pasti dan berinteraksi dengan lebih berkesan dengan komputer anda tanpa mengenal pasti pengguna individu. Seperti banyak laman sesawang yang lain, Portal ini menetapkan dan menggunakan *cookies* untuk meningkatkan pengalaman pengguna anda; untuk mengingati tetapan peribadi anda misalnya.

4. Tujuan Memproses Data Peribadi Anda

CGC Digital boleh memproses data peribadi anda atas sebab-sebab berikut :

- (a) Untuk menilai padanan produk dan perkhidmatan kami.
- (b) Untuk mengesahkan kedudukan kewangan melalui rujukan cek kredit.

- (c) Untuk menilai keperluan kewangan dan untuk terus melaksanakan obligasi kontrak yang dibuat antara CGC Digital dan anda.
- (d) Untuk bertindak balas kepada pertanyaan dan aduan anda dan untuk menyelesaikan pertikaian.
- (e) Untuk fungsi dalaman seperti menilai keberkesanan pemasaran, penyelidikan pasaran, analisis statistik dan pemodelan, laporan, audit dan pengurusan risiko dan untuk mengelakkan penipuan.
- (f) Memenuhi segala peraturan dan keperluan atas apa-apa sebab lain yang berkaitan dengan menyediakan anda perkhidmatan yang anda perlukan.

CGC Digital juga boleh berkongsi data peribadi anda dengan entiti lain seperti ejen CGC Digital atau rakan kongsi strategik dan pihak ketiga yang lain (“entiti lain”) dan anda boleh menerima komunikasi pemasaran daripada CGC Digital atau daripada entiti lain mengenai produk dan perkhidmatan yang mungkin bersesuaian untuk anda.

Sekiranya anda tidak lagi ingin menerima komunikasi pemasaran, sila maklumkan kepada kami untuk menarik balik kebenaran anda dan kami akan menghentikan pemrosesan dan perkongsian data peribadi anda dengan entiti lain untuk tujuan menghantar komunikasi pemasaran.

Anda mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran anda untuk menerima komunikasi pemasaran atau bahan promosi, anda boleh menghubungi kami dengan menggunakan maklumat hubungan yang terdapat pada Portal.

5. Pendedahan Data Peribadi

Maklumat peribadi anda dalam pegangan kami akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, untuk menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang efektif dan berterusan dan mematuhi apa-apa kehendak undang-undang dan peraturan, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada:

- (a) Agensi-agensi rujukan kredit apabila anda memohon mana-mana produk berasaskan kredit.
- (b) Agen dan penyedia perkhidmatan yang mempunyai perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti.
- (c) Penyedia perkhidmatan kewangan (contohnya institusi kewangan, broker gadai janji, syarikat-syarikat insurans).
- (d) Pedagang dan rakan strategik kami.
- (e) Pihak yang diberi kuasa oleh anda.
- (f) Penguatkuasaan agensi kawal selia dan kerajaan seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada pihak berkuasa.

Pendedahan data anda mungkin melibatkan pemindahan data peribadi anda ke tempat-tempat di luar Malaysia, dan dengan perkongsian data peribadi anda, anda bersetuju untuk apa-apa pemindahan yang dikehendaki untuk memberikan anda perkhidmatan yang telah diminta, dan bagi pelaksanaan apa-apa kewajipan kontrak antara anda dengan CGC Digital termasuk untuk tujuan penyimpanan.

6. Penggunaan Data

Data anda boleh digunakan untuk menyesuaikan dan meningkatkan pengalaman pengguna anda di laman sesawang ini. Usaha akan diambil untuk menghalang data anda daripada yang disediakan untuk pihak ketiga melainkan jika:

- (a) disediakan bagi selainnya dalam Dasar Privasi ini;
- (b) kebenaran anda diperolehi, seperti apabila anda berkongsi data;
- (c) perkhidmatan yang disediakan di laman sesawang kami memerlukan interaksi dengan pihak ketiga, atau disediakan oleh pihak ketiga;
- (d) menurut tindakan undang-undang atau penguatkuasaan undang-undang;
- (e) apabila didapati bahawa penggunaan laman ini melanggar polisi Portal ini, syarat-syarat perkhidmatan, atau garis panduan penggunaan lain, atau jika ia dianggap semunasabahnya perlu oleh Portal untuk melindungi hak-hak dan/atau harta undang-undang Portal.

Sekiranya anda memilih untuk menggunakan pautan yang dipaparkan di Portal ini untuk melawat laman sesawang lain, anda dinasihatkan untuk membaca dasar privasi yang disiarkan laman sesawang berkenaan.

7. Perlindungan & Pengekalan Data

Semua langkah-langkah fizikal, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi itu hendaklah dijalankan oleh CGC Digital. Sekiranya kami mendedahkan data peribadi anda kepada ejen-ejen kami yang diberi kuasa atau penyedia perkhidmatan, mereka perlu melindungi dengan sewajarnya data peribadi yang diberikan kepada mereka.

CGC Digital akan mengekalkan data peribadi anda untuk suatu tempoh yang perlu bagi memenuhi tujuan ianya dikumpulkan atau mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan keperluan dalaman. Selepas itu, data anda akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal.

8. Menyunting atau Menghapuskan Maklumat Akaun Anda

Anda boleh menyunting maklumat yang disimpan untuk maklumat akaun pengguna anda semasa pendaftaran, dengan melawat panel kawalan akaun pengguna anda. Anda boleh meminta untuk akaun pengguna anda dipadamkan; untuk berbuat demikian, sila hubungi penyelaras lamansesawang. Sila lihat Terma Penggunaan untuk maklumat lanjut.

9. Pembedulan Data/Kemas Kini

Anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda. Jika anda ingin mengakses data peribadi anda, sila hubungi kami. Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin akan mengenakan sedikit bayaran bergantung kepada maklumat yang diminta. Kami juga boleh mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengesahkan identiti anda sebelum memenuhi permintaan anda untuk mengakses data peribadi anda.

CGC Digital komited untuk memastikan bahawa data peribadi yang kami simpan tentang anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan adalah terkini. Jika terdapat sebarang perubahan kepada data peribadi anda atau jika anda percaya bahawa data peribadi anda dalam simpanan kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, sila hubungi pihak kami supaya langkah boleh di ambil untuk mengemaskinikan data peribadi anda.

10. Hubungi Kami

Jika anda perlu menghubungi kami, anda boleh menghubungi kami di talian 603 -7880 0088 atau kunjungi kami di plus.imsme.com.my

11. Perubahan Dasar Privasi ini

Perubahan boleh dibuat kepada polisi ini dari semasa ke semasa. Anda akan dimaklumkan mengenai perubahan kepada dasar ini sama ada melalui pengumuman dengan jelas di laman sesawang, dan/atau mesej mel yang dihantar ke alamat e-mel anda yang telah disediakan dalam tetapan pengguna anda.

Dasar Keselamatan

Sistem Pemantauan – Untuk tujuan keselamatan dan memastikan bahawa Portal adalah tersedia untuk pengguna, Portal menggunakan program perisian khas untuk trafik rangkaian pemantauan bagi mengenalpasti sebarang percubaan yang tidak dibenarkan untuk memuat naik atau mengubah maklumat, atau sebaliknya menyebabkan kerosakan kepada sistem pelayan sesawang ('server') Portal. Program-program ini mengumpul maklumat yang secara langsung mengenal pasti individu dan mengumpul maklumat yang boleh membantu Portal untuk mengenal pasti usaha untuk mengganggu laman sesawangnya.

Jika anda menggunakan Portal, adalah dimaklumkan bahawa semua aktiviti boleh dipantau dan direkodkan. Sesiapa yang menggunakan Portal telah bersetuju untuk pemantauan dan rakaman tersebut.

Maklumat Log – Pelayan sesawang ('server') Portal secara automatik akan merekodkan maklumat setiap kali anda melawat Portal. Log pelayan sesawang ('server') ini mungkin termasuk maklumat seperti tarikh dan masa lawatan anda, alamat Protokol Internet anda, jenis pelayan sesawang, bahasa pelayan sesawang, saiz skrin penyemak imbas, dan satu atau lebih *cookies* yang mengenal pasti pelayan sesawang anda. Maklumat yang dikumpul hanya digunakan untuk menyusun statistik, secara agregat, bagi penggunaan Portal.

Cookies – Apakah *cookies*? *Cookies* adalah sebahagian kecil maklumat yang dikirimkan ke penyemak imbas anda apabila anda mengakses Portal. Penggunaan *cookie* adalah satu praktis standard industri dan boleh didapati di mana-mana laman sesawang yang utama. Pada Portal tersebut di mana Portal menggunakan "*cookies*" untuk memudahkan penggunaan laman sesawang ini, ia tidak mengumpul maklumat peribadi anda. *Cookies* membantu anda untuk menyimpan pilihan pengguna dan mengesan trend penggunaan secara agregat. Portal menggunakan *cookies* untuk menentukan sesi pengguna dan juga untuk menyediakan beberapa ciri-ciri utama untuk laporan penggunaan Portal.

Cookies ini adalah unik untuk domain imSME dan tidak boleh diubah atau diambil semula oleh mana-mana perkhidmatan pada domain yang lain.

Google Analytics – Portal menggunakan Google Analytics, satu khidmat luar yang disediakan oleh Google, untuk mendapatkan laporan tentang penggunaan laman sesawang. Maklumat yang dihantar oleh pengguna juga dihantar ke pelayan sesawang yang dikendalikan oleh Google, dan digunakan untuk menyediakan statistik agregat mengenai jumlah lawatan, corak penggunaan dan carian yang dilakukan pada Portal.

Maklumat daripada e-mel yang anda hantar kepada Portal – Jika anda menghantar mesej e-mel, mesej biasanya akan mengandungi alamat e-mel kembali anda. Jika anda memasukkan maklumat peribadi yang dikenalpasti dalam e-mel anda kerana anda mahu Portal untuk menangani isu-isu tertentu dengan situasi anda, Portal boleh menggunakan maklumat tersebut untuk bertindak balas kepada permintaan anda. Selain itu, e-mel tidak sama sekali terjamin sepenuhnya dari pemintasan. Sila hantar maklumat yang diperlukan untuk membantu Portal memproses permintaan anda.

Penyerahan Maklumat Secara Sukarela – Dalam Portal, ia telah menyediakan beberapa cara yang membolehkan anda secara sukarela menyerahkan maklumat peribadi (seperti alamat e-mel, nombor telefon atau nama). Sebagai contoh, apabila anda menyerahkan pertanyaan/borang aduan maklum balas kepada Portal.

Semua maklumat yang dikemukakan hanya digunakan untuk tujuan yang dinyatakan yang mana ia bertujuan dan tidak diberikan kepada mana-mana pihak ketiga.

Keselamatan Penyimpanan Maklumat Peribadi – CGC Digital mengekalkan standard keselamatan yang ketat untuk melindungi maklumat peribadi anda yang dihantar melalui e-mel atau secara sukarela seperti yang dinyatakan di atas CGC Digital akan sentiasa memastikan penghantaran, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi anda mematuhi Dasar Privasi.